

03/03/1997

Insentif terbaik usahawan Malaysia di Afrika Selatan

LANGKAH sedang dibuat untuk mewujudkan `suasana pelaburan' lebih baik kepada usahawan Malaysia di Afrika Selatan berikutan rungutan mengenai cukai korporat yang terlalu tinggi yang dikenakan oleh Pretoria.

Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan, Maite E Mohale, berkata pegawai Malaysia dan negaranya sedang mengadakan rundingan peringkat akhir untuk tujuan itu.

"Kami menjangka rundingan itu akan menghasilkan keputusan positif," katanya pada satu temu ramah di Kuala Lumpur menjelang lawatan lima hari Presiden Nelson Mandela ke Malaysia, mulai Khamis ini.

Mohale berkata, kedua-dua pihak mencapai beberapa persefahaman tetapi perbincangan masih diteruskan.

Afrika Selatan mengenakan cukai korporat 35 peratus dengan tambahan 15 peratus sekiranya dividen dibayar.

Berikutan rungutan pelabur Malaysia itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa perkara itu kepada Mandela semasa lawatannya ke Afrika Selatan pada Ogos 1995.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata oleh kerana Afrika Selatan sedang bersaing dengan negara lain untuk menarik pelaburan, ia perlu menimbang untuk memberi beberapa insentif.

"Di Malaysia, kami memberi pengecualian cukai selama 10 tahun," kata beliau.

Mandela dijangka berbincang mengenai perkara ini dengan Dr Mahathir dalam pertemuan di Kuala Lumpur.

Sejak dua tahun lalu pelabur Malaysia bertumpu ke Afrika Selatan dengan menyertai sektor seperti hartanah, tenaga, makanan dan perbankan.

Menurut kajian kumpulan penyelidik, Business-Map, usahawan Malaysia adalah kumpulan pelabur keempat terbesar di Afrika Selatan dengan jumlah pelaburan terkumpul 1.8 bilion Rand (RM1.2 bilion) dalam tempoh antara April 1994 dan Mei 1996.

Ini tidak termasuk pelaburan terbesar Malaysia di republik itu melalui Petronas setakat ini dengan jumlah 1.9 bilion Rand (kira-kira RM1.3 bilion) untuk mendapatkan ekuiti 30 peratus dalam syarikat minyak Afrika Selatan, Engen.

Mycom Bhd dan Country Heights adalah dua syarikat terbaru yang mengikuti jejak langkah syarikat utama lain seperti Kumpulan Sime Darby, Malaysian Resources Corporation Bhd, Serting dan Kumpulan Sungei Way melabur di Afrika Selatan.

Ditanya sama ada terdapat rungutan daripada rakyat negaranya mengenai pelabur Malaysia, Mohale berkata, peniaga Malaysia mempunyai rekod yang baik di republik itu.

"Malaysia adalah satu-satunya negara yang melabur jumlah yang banyak pada ketika negara lain masih ragu-ragu untuk berbuat demikian," katanya.

Mohale berkata, pelabur Malaysia terbabit dalam usaha sama yang tulen dan pengalaman serta kepakaran mereka membantu memperbaiki taraf hidup rakyat miskin negara itu.

"Pelaburan mereka sungguh menggalakkan dan kami sungguh bangga," katanya. - Bernama

(END)